



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 22 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------|
| 1 | MAJLIS RAMAH MESRA KPWK DI DEWAN SABATI, KUCHING SARAWAK | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=JiZKqWJnsUs | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-------------|
| 2 | JKM PERAK SEDIA BERI KHIDMAT KAUNSELING KELUARGA KANAK-KANAK JATUH TASIK | |
| | https://mgperak.com/jkm-perak-sedia-beri-khidmat-kaunseling-keluarga-kanak-kanak-jatuh-tasik/ | MGPERAK.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=usClwCO0qsg | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 3 | JKM CARI WARIS LETHY RAFINA | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082083/jkm-cari-waris-lethy-rafina | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-kesan-ibu-bapa-kandung-atau-waris-kanak-kanak-10-tahun-yang-ditinggalkan-sejak-2016/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 4 | PELAJAR TAHFIZ MENYESAL TERBABIT KES ROGOL | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082085/pelajar-tahfiz-menyosal-terbabit-kes-rogol | HMETRO.COM.MY |



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------------|
| 5 | KEGIATAN MUAT TURUN BAHAN LUCAH KANAK-KANAK MASIH BERLELUASA - PDRM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kegiatan-muat-turun-bahan-lucah-kanakkanak-masih-berleluasa-pdrm-467274 | ASTROAWANI.COM |
| | https://thesun.my/cerita/berita/kegiatan-muat-turun-bahan-penganiayaan-kanak-kanak-di-internet-masih-berleluasa-HF12356771 | THESUN.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082176/kegiatan-muat-turun-bahan-seksual-kanak-kanak-masih-berleluasa | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/21/downloading-of-child-sexual-abuse-content-cause-for-concern-say-cops/ | FREEMALYSIATODAY.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/21/downloading-sharing-of-child-sexual-abuse-material-still-concerning-says-bukit-aman | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/21/police-say-downloading-sharing-of-child-sexual-abuse-material-still-a-concern/130004 | MALAYMAIL.COM |
| | https://thesun.my/local_news/downloading-sharing-of-child-sexual-abuse-material-still-a-concern-cops-HF12357055 | THESUN.MY |
| | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2290062 | BERNAMA.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/21/mu-at-turun-bahan-lucah-penganiayaan-seksual-kanak-kanak-berleluasa-kata-polis/ | FREEMALYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|--------------------|
| 6 | PEMBANTU AKAUN DICABUL, DICIAM SUKARELAWAN PEGAWAI PENGUAT KUASA SYARIAH | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/pembantu-akaun-dicabul-diciam-sukarelawan-pegawai-penguat-kuasa-syariah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/sukarelawan-disyaki-cabul-kehormatan-direman/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/660693/berita/semasa/pembantu-akaun-dakwa-dicabul-pegawai-penguat-kuasa-sukarelawan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/21/sukarelawan-penguat-kuasa-syariah-didakwa-cabul-wanita/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ODp0sPISn38 | YOUTUBE |



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|--------------------|
| 7 | GURU WANITA LEBAM MATA DITUMBUK RAKAN SEKERJA LELAKI | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1237347/guru-wanita-lebam-mata-ditumbuk-rakan-sekerja-lelaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/21/mata-guru-wanita-lebam-ditumbuk-cikgu-lelaki/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/660662/berita/semasa/guru-lelaki-pukul-rakan-sekerja-wanita-di-kantin-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-wanita-cedera-ditumbuk-ditendang-guru-lelaki-467286 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082215/guru-wanita-ditumbuk-disepak-guru-lelaki | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/polis-cari-guru-lelaki-tumbuk-sepak-guru-wanita/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/guru-wanita-lebam-mata-kiri-ditumbuk-guru-lelaki/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2024/04/guru-wanita-lebam-mata-kiri-dipercayai-ditumbuk-guru-lelaki/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------|
| 8 | BURUH DIPENJARA 7 BULAN, BERSALAH CABUL TEMAN WANITA | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082203/buruh-dipenjara-7-bulan-bersalah-cabul-teman-wanita | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buruh-dipenjara-tujuh-bulan-cabul-rakan-baru-dikenali-467302 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/cabul-teman-wanita-buruh-dipenjara-7-bulan/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/21/cabul-kenalan-wechat-buruh-dipenjara-7-bulan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/buruh-dipenjara-tujuh-bulan-cabul-kehormatan-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=nQF_3_U-n7c | YOUTUBE |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1237349/buruh-cabul-teman-wanita-kena-penjara | BHARIAN.COM.MY |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 9 | GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP LELAKI: ISTERI ORANG TURUT KOMEN BERBAUR LUCAH | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1082186/gangguan-seksual-terhadap-lelaki-isteri-orang-turut-komen-berbaur-lucah | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---------|--------|
| | | |



TAJUK : 'USE SURVIVOR-CENTRIC WAYS TO ADDRESS ABUSE OF WOMEN'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

■ BY T.C. KHOR
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: The Women's Aid Organisation (WAO) has urged the government to address the cause of violence against women by using nationwide campaigns, legal reforms and enhanced survivor support mechanisms as preventive measures.

In a statement to *theSun*, WAO urged the government to provide survivor-centric services such as counselling, legal assistance and providing shelter facilities.

"We look forward to working closely with the Women, Family and Community Development Ministry, National Domestic Violence Committee and other relevant stakeholders, including government agencies, law enforcement, civil society organisations and the broader community, to create a society in which every woman can live free from violence and fear."

The organisation also expressed concern over a recent shooting at the KL International Airport.

"This serves as a stark reminder of the urgent need to address violence against women in our society, and how

'Use survivor-centric ways to address abuse of women'

○ Group keen to work with gov't, stakeholders to create safe society free from violence and fear

this violence could lead to murder"

WAO advocacy officer Dhanya Shekar pointed out the incident did not occur in isolation.

"The survivor had previously lodged two police reports against her estranged husband, highlighting the escalating nature of the threat," she said, adding that reports must be taken seriously and addressed through a survivor-centric approach.

"However, we also wish to commend the police for their swift response in apprehending the

38-year-old suspect, Hafizul Harawi."

Hafizul was apprehended at 3pm on April 15, a day after firing two shots at his wife, who is a travel agency owner and was waiting for her clients to return from their Mecca pilgrimage.

She was at the arrival hall entrance when Hafizul attempted to shoot her at close range but missed, and a bullet hit her bodyguard in the abdomen instead.

WAO also emphasised the need for preventive measures, enhanced

victim support services and robust legal enforcement.

"Violence against women is not only a violation of individual rights but a grave violation of human rights and a barrier to gender equality and social justice."

The organisation said Home Ministry figures showed a total of 27 murder cases involving married couples from 2019 to 2021.

According to WAO, violence against women happens due to a lack of recognition towards women's equal rights, worth and dignity.

"Nine per cent of Malaysian women who have been in a relationship have experienced domestic violence. That is over 800,000 women across Malaysia,"


said Dhanya.

Lawyer and WAO former president Sharmila Ravindran said a Gender Equality Act would ensure prohibition of gender discrimination and facilitate equality in Malaysia.

"Such an Act would stimulate economic growth, financial stability and private and public sector performance."

WAO was established in 1982 and provides free shelter, counselling and crisis support to women and children who have experienced abuse. The organisation also advocates improvements to public policies and changes to public mindsets.

Those who need assistance can contact the WAO Hotline at [03-3000 8858](tel:03-30008858) or Tina at [018-988 8058](tel:018-9888058).



JKM Perak sedia beri khidmat kaunseling keluarga kanak-kanak jatuh tasik

Nasional Amirul Rabbani Rashid April 21, 2024



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temengor, Datuk Salbiah Mohamed menyerahkan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Temengor di Dewan Datuk Hasbullah, Gerik, pagi tadi. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 21 APRIL 2024.

GERIK – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak bersedia memberi khidmat kaunseling terhadap keluarga kanak-kanak yang ditemukan lemas selepas terjatuh ke dalam tasik berhampiran masjid di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di Seri Iskandar pada Sabtu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Salbiah Mohamed berkata, sememangnya agensi itu berperanan memberi khidmat berkenaan sebagai usaha mengurangkan kesan trauma yang mungkin dihadapi mereka.

"Sesi kaunseling itu sebagai membantu ibu bapa dalam berhadapan dengan perkara itu. Sememangnya bukan mudah bagi mana-mana ibu bapa untuk berada dalam situasi kehilangan anak.

"Saya pernah melalui situasi kehilangan anak. Jadi, saya faham apabila ibu bapa kehilangan anak ini, ia cukup meninggalkan kesan dan trauma dalam kehidupan," katanya.



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temengor, Datuk Salbiah Mohamed (tengah) beramah mesra bersama orang ramai hadir ke Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Temengor di Dewan Datuk Hasbullah, Gerik, pagi tadi. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 21 APRIL 2024.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Temengor di Dewan Datuk Hasbullah, dekat sini, pada Ahad.

Hadir sama ke majlis Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah; serta Bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Mohammad Tajol Rosli Mohamed Ghazali.



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temengor, Datuk Salbiah Mohamed pada sesi temuramah ketika hadir ke Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Temengor di Dewan Datuk Hasbullah, Gerik, pagi tadi. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 21 APRIL 2024.

Pada masa sama, Salbiah turut mengingatkan semua ibu bapa untuk lebih berwaspada dan memberi perhatian kepada keselamatan anak mereka khususnya dalam musim perayaan Aidilfitri ini.

Ujar beliau, ini kerana kanak-kanak mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi dalam meroka dunia tanpa mengetahui sebarang risiko yang bakal dihadapi.

"Ibu bapa harus memantau setiap pergerakan anak-anak ini dan jangan tinggalkan mereka bersendirian.

"Misalnya jika hendak ke majlis rumah terbuka, ibu bapa janganlah tinggalkan anak di rumah tanpa ada pemantauan.




Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temengor; Datuk Salbiah Mohamed (dua, kanan) beramah mesra bersama orang ramai hadir ke Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Temengor di Dewan Datuk Hasbullah, Gerik, pagi tadi. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 21 APRIL 2024.

"Jika terpaksa melakukan perkara itu, cari individu yang boleh menjaga anak itu sementara. Jangan tinggalkan mereka keseorangan di rumah," katanya lagi.

Pada Sabtu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun ditemukan lemas selepas terjatuh ke dalam tasik berhampiran masjid di sebuah IPT di Seri Iskandar.

Difahamkan, ketika kejadian, keluarga mangsa sedang menunggu waktu solat Zuhur.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung insiden itu pada jam 1.19 tengah hari. - MG Perak



TAJUK : POLIS SIASAT IBU BAPA KES KANAK-KANAK LEMAS DALAM TASIK

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Polis siasat ibu bapa kes kanak-kanak lemas dalam tasik

Seri Iskandar: Polis akan merakamkan keterangan ibu bapa kepada kanak-kanak lelaki berusia dua tahun yang ditemui lemas dalam tasik berhampiran Masjid Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Hafezul Helmi Hamzah, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001, iaitu mengabaikan kanak-kanak tanpa pengawasan yang munasabah.

"Ya, kedua-dua ibu bapa kanak-kanak terbabit akan diambil keterangan.

"Hasil bedah siasat yang dijalankan terhadap mayat mangsa di Hospital Changkat Melintang, Bota mendapati punca kematian ialah lemas," katanya kelmarin.

Menurut laporan media kelmarin, difahamkan kejadian itu berlaku ketika keluarga mangsa sedang menunggu waktu solat Zuhur.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad, dipetik berkata anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Iskandar dikejarkan ke tempat kejadian sebaik saja pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung insiden itu pada jam 1.19 tengah hari.

Pasukan penyelamat di air (PPDA) yang menyelam untuk melakukan pencarian kemudian menjumpai mayat mangsa pada jarak tiga meter dari tebing tasik pada jam 4.25 petang.

Mengulas lanjut, Hafezul Helmi berkata, pihaknya menerima maklumat daripada Bahagian Keselamatan UTP sepasang ibu bapa memaklumkan anak lelaki mereka yang berusia dua tahun hilang ketika berada di masjid universiti itu pada jam 1.15 tengah hari.

"Hasil semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) masjid itu mendapati mangsa berjalan ke arah tasik.

"Pasukan bomba yang dibantu Unit Skuba Bomba Ipoh kemudian menemui mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri pada jam 4.25 petang.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi pegawai penyiasat, Inspektor Mohamad Zulkarnain Jusoh melalui talian 013-9740294 bagi membantu siasatan," katanya.



TAJUK : CCTV DEDAH BUDAK MENAPAK KE TASIK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KANAK-kanak lelaki berusia dua tahun ditemui lemas selepas terjatuh ke dalam tasik berhampiran Masjid Universiti Teknologi Petronas.

CCTV dedah budak menapak ke tasik

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Kanak-kanak dua tahun lemas ketika keluarga tunggu masuk waktu solat Zuhur

Seri Iskandar

Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun ditemui lemas dalam tasik berhampiran Masjid Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, kelmarin.

Susulan itu polis merakam keterangan ibu bapa mangsa untuk siasatan mengikut Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 kerana membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang munasabah.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintendan Hafezul Helmi Hamzah berkata, dalam kejadian pada jam 1.15 tengah hari, mangsa dan keluarganya berada di masjid universiti berkenaan difahamkan untuk menunggu Zuhur. Katanya, Bahagian Ke-



"Kedua-dua ibu bapa kanak-kanak terbabit diambil keterangan untuk siasatan lanjut"

ANGGOTA bomba menyelamatkan mangsa lemas yang terjatuh ke dalam tasik.

selamatan UTP kemudian dimaklumkan oleh ibu bapa mangsa mengenai kehilangan anak mereka.

"Semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) masjid mendapati ternampak terlibat mang-

sa sedang berjalan ke arah tasik. Operasi dijalankan bomba yang dibantu unit skuba bomba Ipoh menemui mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri pada 4.25 petang.

"Bedah siasat yang di-

jalankan terhadap mangsa di Hospital Changkat Melintang. Bota mendapati punca kematian adalah disebabkan lemas.

"Kedua-dua ibu bapa kanak-kanak terbabit diambil keterangan untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut supaya menghubungi pegawai penyiasat Inspektor Mohamad Zulkarnain Jusoh di talian 013-9740294.

Dalam pada itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan jam 1.19 tengah hari dan pasukan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Iskandar dikejarkan ke lokasi.



JKM cari waris Lethy Rafina

Zuliaty Zulkiffli

am@hmetro.com.my



LETHY Rafina yang ditinggalkan ibu bapa kandung sejak 2016. FOTO ihsan JKM

Jitra: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang berusaha mengesan keluarga kandung atau waris kanak-kanak perempuan yang ditinggalkan sejak 2016.

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kubang Pasu dalam kenyataan berkata, kanak-kanak perempuan itu, Lethy Rafina (warga Indonesia) berusia 10 tahun dilahirkan di Perbaungan, Indonesia pada 22 Februari 2014.

Katanya, nama ibu kandung kanak-kanak terbabit ialah Nurlela (warga Indonesia) dan bapanya, Raqfi Abdullah.

"Kanak-kanak ini ditinggalkan oleh ibu kandungnya kepada seorang penjaga sejak 2016 sehingga kini.

"Penjaga terbabit dipercayai bekas majikan kepada ibu kandung kanak-kanak berkenaan.

"Alamat terakhir kanak-kanak perempuan itu tinggal bersama ibu kandungnya adalah di Kampung Tradisi, Changlun, Kedah," katanya.

Menurut kenyataan itu, sehingga kini tiada waris yang tampilkan untuk menuntut kanak-kanak itu walaupun penjaga sudah cuba menjejaki ibu kandungnya namun gagal.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung ibu bapa kanak-kanak terbabit boleh tampil ke PKMD Kubang Pasu atau hubungi Pelindung Daerah Kubang Pasu, Fatin Amira Ahmad di talian 04-9171305



TAJUK : TUMBANG IKUT GELORA NAFSU!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



HAFZAL dan Alif (dua dari kiri) mengecat perabot pada program keceriaan Institut Program Khidmat Masyarakat (PKM)@Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom (RKKSHK) Penor.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

“Ujian sebagai bekas pelajar Maahad Tahfiz lebih berat...saya tidak mampu hadapinya hingga akhirnya bergelumbang dengan dosa,” kata Hafzal, seorang remaja berusia 18 tahun.

Menurut anak keempat daripada enam beradik itu, dia tidak mampu menghadapi dugaan hati apabila terbabat dengan kes rogol seorang kekasih bawah umur pada Julai tahun lalu yang akhirnya dijatuhkan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang.

Katanya, dia nekad bertemu dengan gadis berusia 16 tahun itu di Kuala Lumpur selepas setahun mengenalnya.

“Pertemuan yang dirancang itu berakhir dengan episod hitam apabila kami melakukan hubungan terlarang dengan rela hati.

“Saya tidak berniat merogolnya yang dianggap gadis istimewa dalam hidup saya,” katanya.

Dia ditemui selepas melakukan kerja khidmat ma-

Tumbang ikut gelora nafsu!

Bekas pelajar Maahad Tahfiz menyesal terbabat kes rogol remaja bawah umur

syarakat pada program keceriaan Institut Program Khidmat Masyarakat (PKM)@Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajjah Kalsom (RKKSHK) Penor di sini, kelmarin.

Seramai 10 remaja menjalani PKM terbabat. Mereka menyertai aktiviti mengecat bersama kakitangan JKM Pahang. Turut memantau mereka di bawah program berkenaan adalah Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat JKM Pahang Che Muhamad Fairuz Che Muhamad Adnan.

Menurut Hafzal, dalam perjalanan meninggalkan Kuala Lumpur menggunakan bas ekspres, dia dan ga-

dis itu ditahan pihak berkuasa selepas bapa kekasihnya itu membuat laporan mendakwa anaknya lari meninggalkan rumah.

“Selepas direman 10 hari saya didakwa di mahkamah atas kesalahan merogol dan dikenakan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan JKM.

“Saya reda dengan apa yang terjadi dan berjanji tidak akan mengundang masalah lagi selepas ini. Saya sudah bertaubat dan berharap Yang Maha Esa dapat menerimanya,” katanya yang kini berkerja dalam sektor pembinaan bangu-


nan.

Bagi Alif, 18 (bukan nama sebenar) dia dikenakan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM selepas melakukan kesalahan memandu secara melulu di bawah pengaruh alkohol hingga menyebabkan kemalangan di Temerloh pada November tahun lalu.

“Saya yang memandu kereta tertidur ketika memandu kerana mabuk hingga terbabas dan melanggar lori yang berhenti untuk menurunkan barang kira-kira jam 10.30 pagi.

“Saya mengalami kecederaan serius di bahagian muka dan menerima berpuluh jahitan, rakan saya koma tiga bulan,” kata anak kedua daripada tiga beradik itu.

“Selepas direman 10 hari saya didakwa di mahkamah atas kesalahan merogol dan dikenakan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan JKM”



Pelajar Tahfiz menyesal terbabit kes rogol

Mohd Rafi Mamat



ALI dan Alif (depan, kiri dan dua kiri) mengecat perabot pada program keceriaan Institusi Program Khidmat Masyarakat (PKM)@Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajjah Kalsom (RKKSHK) Penor. FOTO Mohd Rafi Mamat

Kuantan: "Ujian sebagai bekas pelajar Maahad Tahfiz lebih berat... saya tidak mampu hadapinya hingga akhirnya bergelombang dengan dosa zina."

Ali, 18 (bukan nama sebenar) berkata, dia tak mampu menghadapi dugaan hati seorang remaja apabila terbabit dengan kes rogol kekasih bawah umur, Julai tahun lalu yang akhirnya dijatuhkan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang.

Katanya, selepas setahun mengenali Ani, 16 (bukan nama sebenar) dia bertekad untuk bertemu ganis berkenaan di Kuala Lumpur. Pertemuan yang dirancang itu berakhir dengan episod hitam kami melakukan hubungan terlarang dengan rela hati.

"Saya tidak berniat untuk merogol Ani yang dianggap gadis istimewa dalam hidup saya, namun saya tidak mampu melawan hasutan syaitan yang menggoda dan memujuk kami berdua supaya mencuba kali pertama berzina.

"Dengan sedikit ilmu agama yang ada dalam diri ini, saya tidak mampu menangkis godaan syaitan dan akhirnya kami terjerumus ke lembah maksiat tanpa rasa bersalah," katanya selepas melakukan kerja khidmat masyarakat pada program keceriaan Institusi Program Khidmat Masyarakat (PKM)@Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajjah Kalsom (RKKSHK) Penor, di sini, semalam.

Sepuluh remaja yang menjalani PKM terbabit pada program berkenaan menyertai aktiviti mengecat bersama kakitangan JKM Pahang.

Turut memantau Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat JKM Pahang, Che Muhamad Fairuz Che Muhamad Adnan.

Menurutnya, dalam perjalanan meninggalkan Kuala Lumpur menggunakan perkhidmatan bas ekspres, mereka ditangkap pihak berkuasa selepas bapa kekasihnya itu membuat laporan polis mendakwa anaknya lari meninggalkan rumah.

"Selepas direman 10 hari saya didakwa di mahkamah atas kesalahan merogol dan dikenakan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan di bawah seliaan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM.

"Saya reda dengan apa yang terjadi dan berjanji tidak akan mengundangi selepas ini, saya telah bertaubat dan berharap Yang Maha Esa dapat menerimanya," katanya yang kini bekerja dalam sektor pembinaan bangunan.

Bagi Alif, 18 (bukan nama sebenar) dia dikenakan hukuman melakukan khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan selepas melakukan kesalahan memandu secara melulu di bawah pengaruh alkohol hingga menyebabkan kemalangan di Temerloh November tahun lalu.

"Saya yang memandu kereta Produa Kancil tertidur ketika memandu kerana mabuk hingga terbabas dan melanggar lori yang berhenti untuk menurunkan barang kira-kira 10.30 pagi.

"Saya mengalami kecederaan serius di bahagian muka dan menerima berpuluh jahitan, rakan saya koma selama tiga bulan," katanya.

Menurutnya, dia kini menyesal dan berjanji tidak akan menghampiri lagi minuman yang memabukkan, sebelum ini dia terlalu mengikut perasaan dan pengaruh rakan hingga memusnahkan diri sendiri.



| | | | |
|----------|--|-----------|---------|
| TAJUK : | DROP IN CASES OF CHILD ABUSE CONTENT DOWNLOADS | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | THE SUN |
| TARIKH : | 22 APR 2024 | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

Drop in cases of child abuse content downloads

KUALA LUMPUR: Downloading and sharing online content involving sexual exploitation of children or child sexual abuse remains a concern despite showing a downward trend over the past two years.

Bukit Aman Sexual, Women and Child Investigation Division principal assistant director and SAC Siti Kamsiah Hassan said 808 downloads of such content were detected in January and February.

"However, the figure does not refer to the number of perpetrators as it is possible for one

individual to download the content multiple times."

She said police detected a drop in such activity, with 41,096 and 33,692 downloads detected in 2022 and 2023 respectively.


Siti Kamsiah said the division is developing a data bank to curb such activities, including storing information of related incidents and conducting awareness campaigns.

She said from 2021 to 2023, police have opened 139 investigation papers involving cases of child pornography under the Sexual Offences

Against Children Act 2017.

She also said cases of sexual, child and domestic abuse are increasing every year, involving rape, sexual assault and unnatural intercourse, adding that from 2021 to 2023, 38,424 crimes against children and women were recorded nationwide, with the highest being domestic violence, at 19,487.

"This is followed by rape cases at 4,277, physical sexual assault at 3,455, outraging of modesty at 2,698, missing children at 2,257 and child abuse at 1,878." – Bernama



TAJUK : DOWNLOADING, SHARING OF CHILD SEXUAL ABUSE MATERIAL STILL A CONCERN - BUKIT AMAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Downloading, sharing of child sexual abuse material still a concern — Bukit Aman

KUALA LUMPUR: The downloading and online sharing of content involving child sexual abuse material (CSAM) remain a concern despite showing a downward trend over the past two years.

Principal assistant director of Bukit Aman's Sexual, Women, and Child Investigation Division (D11) SAC Siti Kamsiah Hassan said 808 downloading activities of such content were detected in January and February this year.

"The figure is the total identified downloading activities and does not refer to the number of perpetrators as it is possible for one individual to download the content multiple times," she told Bernama recently.

According to her, police detected a drop in the activity, with 41,096 and 33,692 activities detected in 2022 and 2023, respectively.


Siti Kamsiah said the division is developing a data bank to

curb such activities, including storing information on incidents in the country and conducting awareness campaigns through talks and exhibitions.

She said from 2021 to 2023, police have opened 139 investigation papers involving cases of child pornography under the Sexual Offences Against Children Act 2017.

Meanwhile, she said cases of sexual abuse, child abuse, and domestic abuse are increasing every year, particularly involving rape, sexual assault, and unnatural intercourse, adding that from 2021 until last year, 38,424 crimes against children and women were recorded nationwide, with the highest being domestic violence cases at 19,487.

"This is followed by rape cases at 4,277, physical sexual assault at 3,455 cases, outraging of modesty (2,698), missing children (2,257) and child abuse (1,878)," she added. — Bernama



Kegiatan muat turun bahan lucah kanak-kanak masih berleluasa - PDRM

Bernama
21/04/2024 16:20 MYT



Bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini, PDRM mengesan 808 aktiviti muat turun dan perkongsian kandungan sedemikian. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kegiatan memuat turun dan berkongsi kandungan lucah kanak-kanak atau bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) dalam talian, masih pada tahap membimbangkan, walaupun menunjukkan trend penurunan sejak dua tahun lepas.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman SAC Siti Kamsiah Hassan berkata bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini, pihaknya mengesan 808 aktiviti muat turun dan perkongsian kandungan sedemikian.

"Angka ini merupakan jumlah aktiviti muat turun yang dikenal pasti dan tidak merujuk kepada bilangan individu yang melakukan perbuatan berkenaan, kerana terdapat kemungkinan seorang individu melakukan lebih daripada sekali muat turun," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Siti Kamsiah berkata jumlah aktiviti itu, dikesan berkurangan setiap tahun dengan pada 2022 dan 2023, masing-masing sebanyak 41,096 dan 33,692 aktiviti, direkodkan.

Beliau berkata ke arah mengekang kegiatan itu dari berleluasa, pihaknya kini dalam proses membangunkan bank data, antara lain bagi menyimpan maklumat mengenai kejadian yang berlaku dalam negara.

"Kami juga giat melaksanakan kempen kesedaran melalui ceramah dan pameran, bagi meningkatkan kesedaran orang ramai," katanya.

Siti Kamsiah berkata bagi tempoh 2021 hingga tahun lepas, sejumlah 139 kertas siasatan telah dibuka bagi kes melibatkan bahan lucah membabitkan kanak-kanak, mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Beliau berkata kes penderaan seksual, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga pula menunjukkan peningkatan setiap tahun, terutama melibatkan jenayah rogol, amang seksual fizikal dan seks luar tabie.

"Bagi tempoh 2021 sehingga 2023 sebanyak 38,424 kes jenayah terhadap kanak-kanak dan wanita direkodkan di seluruh negara, dengan kes keganasan rumah tangga mencatatkan kes tertinggi dengan 19,487 kes," katanya.

Beliau berkata ini diikuti kes rogol sebanyak 4,277 kes, amang seksual fizikal (3,455), mencabul kehormatan (2,698), kanak-kanak hilang (2,257) dan penderaan kanak-kanak (1,878).



Pembantu akaun dicabul, dicitum sukarelawan pegawai penguat kuasa syariah



HANYAN RAMLAN

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN 21 April 2024, 3:34 pm

KEMAMAN: Seorang pembantu akaun mendakwa dicabul kehormatan dan dicitum seorang sukarelawan pegawai penguat kuasa syariah di negeri ini, di Pantai Teluk Mak Nik, di sini, kira-kira pukul 7 petang pada Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintenden Hanyan Ramlan berkata, sebelum kejadian, mangsa yang berusia 24 tahun ke pantai itu bersama tunangnya.

"Wanita itu mendakwa, ketika dia dan tunangnya berada dalam kereta, mereka kemudiannya didatangi suspek yang berusia 53 tahun.

"Suspek meminta mangsa dan pasangan keluar dari kenderaan dan merampas kunci kereta tersebut sebelum meminta pasangan itu menunjukkan kad pengenalan serta mengugut untuk membawa mereka ke pejabat agama," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.


Hanyan berkata, mangsa mengesyaki lelaki tersebut daripada pejabat agama dan menuruti sahaja arahnya kerana takut.

"Lelaki tersebut mengarahkan tunang mangsa pulang dan memberitahu akan menghantar mangsa pulang ke rumah.

"Mangsa mendakwa, suspek telah merangkul pinggangnya sebanyak dua kali dan meminta untuk memegang payudara mangsa, namun permintaannya ditolak mangsa," katanya.

Hanyan berkata, ketika tiba di rumah mangsa di Taman Perwaja, suspek telah meminta mangsa mencium pipinya dan lelaki itu telah menarik kepala pengadu lalu mencium mulut pengadu.

"Suspek ditahan reman sehingga esok bagi membantu siasatan," katanya. – UTUSAN



TAJUK : GURU LEBAM DISERANG GURU

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 APR 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guru lebam diserang guru

Chukai: Seorang guru wanita cedera selepas dipukul rakan sekerja di sebuah sekolah rendah di daerah Kemaman di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintendan Hanyan Ramlan berkata, kejadian dipercayai berlaku pada jam 6.55 pagi di kawasan kantin di sekolah berkenaan.

Menurutnya, guru lelaki berusia 49 tahun dikatakan

bertindak menumbuk mata kiri dan menyepak mangsa yang berusia 32 tahun itu.

“Kejadian berkenaan menyebabkan mangsa yang juga seorang guru bahasa Inggeris lebam di mata kiri.

“Usaha mengesan suspek giat dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 323 dan 506 Kanun Keseksaan,” katanya.



Guru wanita lebam mata ditumbuk rakan sekerja lelaki

Oleh Zatul Iffah Zolkipli - April 21, 2024 @ 3:50pm
zatuliffah@bh.com.my



CHUKAI: Seorang guru wanita cedera dipercayai akibat dipukul rakan sekerja di sebuah sekolah rendah di daerah Kemaman, hari ini.


Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata kejadian dikatakan berlaku pada jam 6.55 pagi di kawasan kantin sekolah berkenaan.

Dalam insiden itu, beliau berkata, seorang guru lelaki berusia 49 tahun didakwa menumbuk mata kiri dan menyepak mangsa berumur 32 tahun.

"Kejadian itu menyebabkan mangsa yang juga seorang guru Bahasa Inggeris, lebam pada mata kiri.

"Usaha mengesan suspek sedang giat dijalankan, manakala punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 323/506 Kanun Keseksaan.



Buruh dipenjara 7 bulan, bersalah cabul teman wanita

Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Terengganu: Buruh dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini, selepas mengaku bersalah mencabul kehormatan teman wanitanya.

Keputusan itu dibuat Majistret Noor Mazrinie Mahmood selepas tertuduh, Ahmad Ridhwan Abdullah Hazam, 31, mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia 25 tahun dengan maksud untuk mencabul kehormatannya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Pantai Batu Buruk di sini, jam 2 pagi pada 16 April 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu pada 24 Oktober 2023.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Aisyah Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam, Marlisa Marzuki.

Disiarkan pada: April 21, 2024 @ 3:16pm



Gangguan seksual terhadap lelaki: Isteri orang turut komen berbau lucah

Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Muhammad Saufi Hassan dan Nor Syazrina Muhamad Tahir
am@metro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Apabila menyentuh topik gangguan seksual, umumnya ramai pihak akan bersikap skeptikal dan menuding jari kepada golongan lelaki.

Mangsa dalam kalangan wanita biasanya lebih cenderung diberikan rasa simpati sedangkan hakikatnya lelaki juga tidak terkecuali menjadi mangsa gangguan sama dari kaum hawa.

Berdasarkan fakta dan laporan, golongan lelaki kini turut terdedah dengan ancaman gangguan seksual sama ada melalui fizikal, pertuturan ataupun secara maya oleh wanita.

KES 1

Disiarkan pada: April 21, 2024 @ 2:55pm

"Gangguan seksual ini amat melampau apabila ramai wanita sering mengantar komen berbau lucah terhadap gambar yang saya kongsi di media sosial," ujar lelaki yang hanya mahu dikenali sebagai Borhan, 35.

Menurutnya, dia yang aktif dalam sukan berbasikal serta gimnasium kerap berkongsi aktiviti di laman sosial.

"Namun saya tidak sangka tindakan itu mengundang pelbagai hantaran atau komen 'nakal' pengguna media sosial dikalangan wanita.

"Rata-rata yang meninggalkan komen lucah dan tidak sensitif itu adalah golongan wanita termasuklah isteri orang," katanya yang bekerja sebagai penganalisa saham di ibu kota.

Menurutnya, walaupun dia berhati-hati dalam memilih gambar supaya tidak memaparkan aurat atau bahagian 'sensitif' namun ia tetap mengundang komen jelic.

"Walaupun ada antara komen ini berunsur lawak namun kebanyakannya mempunyai maksud tersirat atau *double meaning* yang menjurus kepada seks.

"Perbuatan ini sedikit sebanyak mengganggu emosi saya apatah lagi saya menjadi bahan atau subjek perbualan tidak senonoh golongan wanita," katanya.

Dia berkata, agak mengejutkan apabila ada antara wanita tidak dikenali ini turut menghantar gambar atau video tidak senonoh.

"Mungkin ada lelaki lain yang seronok apabila menjadi 'bahan' tumpuan wanita namun perkara ini memalukan saya.

"Masyarakat perlu mengubah persepsi bahawa gangguan seksual tidak lagi dikalangan wanita malah lelaki tidak terkecuali. Tolong hormat maruah kami dan jagalah air muka anda sebagai wanita.

"Sepatutnya berfikir panjang sebelum memuat naik sebarang hantaran ke dalam media sosial," kata bapa kepada dua anak ini.

KES 2

"Ada segelintir (remaja wanita) yang gatal dan minta yang bukan-bukan ketika membuat pesanan air atau makanan," ujar seorang pembantu restoran yang hanya mahu dikenali sebagai Boy, 21.

Menurutnya, kedudukan sebuah kolej komuniti berhampiran restoran di Gombak, Selangor, menyebabkan premis itu sering dikunjungi pelanggan wanita dikalangan gadis remaja terutama pada waktu malam.

"Saya sudah lali dengan gangguan sama ada dalam bentuk perkataan atau bahasa tubuh pelik-pelik.

"Biasanya gangguan seksual ini dilakukan remaja perempuan nakal yang datang ke premis secara berkumpulan. Mereka jadi berani dan tak tahu rasa malu.

"Ada yang order (buat pesanan) bukan-bukan seperti pisang goreng, sup lidah, kopi tongkat ali atau tomyam 'torpedo' sedangkan restoran tempat saya bekerja menjual makanan *western* (menu barat)," katanya.

Menurutnya, perasaan malu seolah-olah hilang pada remaja perempuan generasi ini walaupun ada antara mereka sekadar bertujuan mengusik.

"Malah saya rasa rimas bila ada gadis ini sengaja mencuri ambil gambar saya melayan pelanggan atau menghantar pesanan dengan tujuan tidak diketahui.

"Mungkin kerana fizikal muka saya sedikit menarik menyebabkan saya kerap dijadikan subjek usikan mereka. Ada juga yang meminta nombor telefon bimbit saya untuk berkenalan namun saya tidak melayannya," katanya.

Menurutnya, isu gangguan seksual tidak lagi sinonim dengan wanita berikutan lelaki turut tidak terkecuali menjadi mangsa.

"Jangan ingat semua lelaki suka dengan cara usikan sebegini. Bagi lelaki yang menjaga harga diri, perbuatan ini turut memberi kesan kepada emosi," katanya.

KES 3

"Kerap berbulu di pejabat soal kepuasan seks dan layanan ranjau oleh pasangan secara terbuka. Apa yang diluahkan itu, saya anggap biadap dan satu bentuk gangguan seksual kepada saya yang belum berkahwin," ujar seorang kakitangan syarikat terbahit penyelidikan dan pembangunan produk (R&D) di Petaling Jaya.

Dia hanya mahu dikenali sebagai Wan, 24, berkata, bilangan wanita sebagai pekerja majoriti di pejabatnya menyebabkan dia menjadi mangsa serangan seksual secara halus.

"Kakitangan wanita agak berusia dan sudah berumah tangga kerap berbincang isu seks berhampiran meja saya bekerja. Tindakan itu menyebabkan saya hilang fokus dan stres.

"Malah lebih memalukan bila mereka berbicara soal 'saiz' dan menjadikan saya sebagai objek rujukan. Ada yang bertanyakan pendapat atau sengaja berseloroh soal saiz payudara idaman saya.

"Saya jadi malu dan tak selesa dengan soalan sebegini. Apatah ada ada mata liar yang memandang saya 'atas bawah' seolah-olah saya objek .

Malah menurutnya, adakalanya perbincangan merapu itu terbawa-bawa sehingga ke bilik mesyuarat atau ketika rehat tengah hari.

"Saya cuba bersikap tidak acuh namun lebih melampau bila ayat *double meaning* turut menular ke dalam chatroom atau kumpulan WhatsApp.

"Saya terfikir untuk memanjangkan isu ini kepada pihak pengurusan atau Jabatan Sumber Manusia namun sya khuatir tindakan itu menyebabkan saya dipandang sebagai lelaki 'lembik'," katanya.

Disiarkan pada: April 21, 2024 @ 2:55pm